

# FPP BizNewz

January - May 2025

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

DIGITAL MARKETING  
**in a digital age**

**BRAIN DRAIN**

A Point of View in Malaysia

**MENTAL  
HEALTH**

*Bagaimanakah Penularan*

**PLANKTON  
MERBAHAYA**

*Memberi Kesan kepada  
Usahawan Pesisiran Pantai*

*PK*  
LULUT  
LUNING



**PERANAN  
MAJIKAN  
DALAM  
MENANGANI  
TEKANAN KERJA  
PEKERJA**

**BUBU NAGA**

*Sekat Rezeki Nelayan Tradisional*

**MOTIVATING  
MINDS**

*How Lecturers Can Use Positive  
Reinforcement to Boost*


**HUTANG**  
*Kawan atau Lawan?*

*Unik tapi Benar*  
**KANTUNG MADU KELULUT BERBEZA**

**RINTANGAN INSULIN**

*Punca, Risiko dan Hubungannya dengan Diabetes*

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date

1 June 2025

# Pulut Kuning

RESEPI IBU

Nor Hamiza Mohd Ghani  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Terengganu, Malaysia

Emel Koresponden: norha825@uitm.edu.my



Di awal pagi, angin sepoi meniup ke wajahku, seolah-olah menyambut terbitnya matahari. Setiap hari, aku masih terkenangkan susuk tubuh gempal yang sangat kurindui. Ada satu ruang yang tidak dapat dipenuhi, satu kehilangan yang tidak mungkin dimiliki semula.

September yang lepas,

Di dapur, gulai ikan tongkol masih terletak di atas dapur. Pulut kuning baru sahaja masak. Cantik warnanya kuning dan berkilat. Aku menatapnya lama, cuba membayangkan senyuman ibu jika sempat menjamahnya. Pasti akan ada komen-komen jika tidak kena dengan tekaknya. Namun, takdir lebih pantas daripadaku.

"Ibu pasti suka kalau dia sempat rasa," bisikku sendiri.

Pulut kuning ini bukan sekadar makanan biasa. Berminggu-minggu aku menuntut dengan ibuku untuk belajar memasak pulut kuning. Ibu bersungguh-sungguh mahu aku pandai memasak pulut kuning sehingga memberikan rempah untuk memasak gulai ikan tongkol dan meminjamkan periuk nasi untuk menanak pulut. Resipi yang diajarkan ibu penuh dengan kasih sayang. Aku masih ingat bagaimana ibu sabar mengajarku menanak dan mengadun pulut dengan betul, memastikan santannya cukup lemak dan warna kuningnya sekata.

Walau bagaimanapun, Tuhan lebih menyayanginya.

Pada suatu hari, sempena majlis khatam al-Quran anak sulungku, aku menyiapkan pulut kuning dengan hati yang berbunga. Aku mahu ibu merasai air tanganku, terbayang-bayang di fikiranku wajah ibu yang merasa bangga dengan hasil masakanku. Tetapi sebelum sempat aku menghantar pulut kuning ke rumahnya, aku menerima panggilan yang amat menyedihkan. Ibu diserang strok dan tidak mampu berjalan. Kubawakan dua bekas pulut kuning ke hospital, mengharapkan ibu masih sempat merasa air tanganku. Tetapi hancur hati ini apabila melihat ibu terbaring dalam keadaan separuh sedar. Sehingga hari ketujuh di hospital dan akhirnya ibu pergi, meninggalkan aku dalam keadaan terpinga-pinga.

Angin pagi membawa aroma embun yang segar ke wajahku. Bunyi ayam di belakang rumah seolah-olah mengingatkanku bahawa kehidupan perlu diteruskan.

Aku merenung gambar pulut kuning yang terdapat dalam telefonku. Tanpa disedari, air mata menitis deras dipipiku.

"Ibu, ini untukmu," bisikku dalam hati. Kerana kasih sayang tidak pernah hilang, dan ibu sentiasa ada dalam setiap butir pulut kuning ini.

Al-Fatihah Ibuku,  
Mazita Binti Mat Din  
10 Mei 1963 – 2 September 2024



BizNewz 2025  
Faculty of Business and Management  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA  
Tel: +609-8400400  
Fax: +609-8403777  
Email: [biznewzuitm@gmail.com](mailto:biznewzuitm@gmail.com)